

Indonesia siap siaga Pemilihan Presiden

ndonesia menerjah tahun baharu 2019 dengan kesiapsiaaan menghadapi Pemilihan Presiden (PILPRES) pada 17 April depan, dengan kehangatan bakal dirasa apabila siri Debat PILPRES bermula 17 Januari ini hingga 13 April depan.

Setiap debat akan mengkhusus tema dan isu tertentu bagi menampilkan visi dan misi calon yang tentunya akan dinilai rakyat.

Mengikut Undang-Undang Dasar Republik Indonesia 1945, rakyat negara itu berhak memilih secara langsung, iaitu dengan mengundi calon pilihan presiden mulai 2004, diikuti pada 2009 dan 2015.

Dalam PILPRES 2004, Susilo Bambang Yudhoyono atau lebih dikenali SBY mengalahkan calon lawan, Megawati Soekarnoputri, dengan kemenangan agak selesa, iaitu penguasaan 60 peratus undi popular. SBY mengekalkan tumpuk pemerintahan pada PILPRES 2009 apabila sekali lagi menewaskan Megawati.

Presiden Indonesia ditetapkan boleh memegang jawatan sehingga dua penggal atau 10 tahun. Dalam PILPRES 2015, muncul figura politik baharu dalam landskap politik Indonesia iaitu Joko Widodo. Beliau yang pernah menjadi Gabenor diangkat Presiden Indonesia apabila menewaskan Prabowo Subianto, daripada Parti Gerakan Indonesia Raya atau GERINDRA.

PILPRES 2019 sekali lagi menyaksikan pertarungan antara Jokowi dengan Prabowo, yang membezakan hanya calon wakil presiden masing-masing. Jokowi

Komentar



**Prof Madya
Dr Mohd Izani Mohd Zain**

Pensyarah Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM)

mengejutkan massa apabila memilih tokoh ulama yang juga Ketua Majlis Ulama Indonesia (MUI), Ma'ruf Amin, difahami untuk menambat semula hati suara masyarakat Islam yang terluka dengan insiden penghinaan terhadap Islam.

Pelihara sensitiviti umat Islam Walaupun Indonesia mengamalkan demokrasi liberal dan menjunjung kebebasan individu, masyarakat Islam masih kritikal terhadap isu membabitkan sensitiviti dan kepentingan mereka. Demonstrasi mega pada 2 Disember 2016 atau lebih dikenali Gerakan atau Aksi 212, membantah mantan Gabenor Jakarta, Basuki Tjahaja Purnama, atau Ahok yang menghina Islam, membuktikan bahawa sensitiviti umat Islam perlu dipelihara.

Sejak Aksi 212, Jokowi perlu menyantuni suara dan kegelisahan umat Islam, malah tidak dinafikan, terpaksa berhadapan pelbagai tohongan, termasuk dilabel

anti-Islam. Justeru, pemilihan Ma'ruf sebagai wakil presiden adalah kritikal dalam mengembalikan kepercayaan dan suara umat Islam untuk PILPRES akan datang.

Sebagai calon presiden yang juga daripada Partai Demokratik Perjuangan Indonesia (PDIP), pemilihan calon wakil presiden yang boleh membawa suara umat Islam sangat penting. Imej sekular yang tebal membantut PDIP, perlu ditangani dengan berhemah. Sebelum Jokowi, PDIP semangnya cenderung memilih tokoh agama dan ini terbukti apabila pasangan Megawati dalam PILPRES 2004 adalah mantan Ketua Umum Nahdatul Ulama, iaitu Hasyim Muzadi.

Keputusan Jokowi memilih Ma'ruf dipandang sinis apabila dipercayai hanya untuk mempergunakan pengaruh tokoh ulama itu bagi mendapatkan sokongan umat Islam. Banyak pihak sangsi kemampuan Ma'ruf yang berusia 75 tahun itu untuk bersama Jokowi mentadbir Indonesia. Pemilihan Ma'ruf bukan disebabkan merit, tetapi asakan dan suasana politik di luar.

Sebagai regu politik, Ma'ruf mempertahankan Jokowi dengan manafikan dakwaan pemimpin itu sebagai anti-Islam, malah percaya Jokowi sangat menyantuni Islam dan para ulama. Menurut Ma'ruf, Jokowi memperkenalkan Hari Santri Nasional, selain membentuk bank wakaf mikro di pesantren dan Jawatankuasa Nasional Kewangan Syariah.

Calon lawan kepada Jokowi-Ma'ruf ialah Prabowo dan Sandi-

aga Uno. Prabowo pernah kalah dengan Jokowi dalam PILPRES 2014 dan kali ini, beliau bertanding dengan calon wakil presiden baharu. Misi utama gandingan ini untuk memperkuuh ekonomi Indonesia. Justeru, pemilihan Sandiaga adalah tepat kerana latar belakang beliau sebagai usahawan dan pemodal terkenal.

Perlu dana untuk berkempen

Berbanding Jokowi-Ma'ruf, gandingan Prabowo dan Sandiaga berhadapan lebih banyak liku kerana untuk berhadapan PILPRES, mereka mengakui memerlukan dana secukupnya untuk kempen. Menurut Sandiaga dalam majalah Tempo keluaran 24 hingga Disember 2018, kumpulan pemodal lebih mendukung penyandang (Jokowi) kerana memilih jalan aman.

Beliau yang melepaskan semua jawatan dan kepentingan dalam perniagaan untuk bersaing dalam PILPRES mengakui kempen memerlukan dana besar. Justeru, beliau menjual sahamnya di PT Saratoga Investment Sedaya Tbk sebanyak Rp500 juta (RM145,264), bagi membiayai kempen PILPRES 2019.

Sudah tentu jumlah dana masih belum cukup. Mengikut Komisi Pemilihan Umum (KPU), seorang peserta kempen boleh dibayar dengan jumlah Rp25,000 (RM7.26) untuk makan dan alat kempen. Pencalonan Prabowo-Sandiaga turut dibantu kempen parti politik lain seperti Parti Amanat Nasional (PAN) dan Parti Keadilan Sejahtera (PKS) dengan biaya sendiri.

Sandiaga banyak turun padang

untuk berkempen, atas alasan beliau masih kurang dikenali berbanding Prabowo. Meskipun pernah terpilih sebagai Wakil Gabenor Jakarta, beliau menyifatkan popularitinya di peringkat nasional sekitar 50 peratus sahaja. Justeru, beliau menetapkan untuk menjayakan kempen di 900 tempat bagi meningkatkan populariti.

Sama di kebanyakan negara lain termasuk Malaysia, ekonomi menjadi isu utama dalam kempen PILPRES 2019, malah pemilihan tahun ini dianggap sebagai sebuah referendum ekonomi. Ke sejahteraan rakyat dan limpahan nikmat ekonomi akan menjadi isu utama kempen. Sudah tentu lebih 185 juta pengundi berdaftar tidak sabar untuk memilih pemimpin yang mampu membuat perubahan.

Di bawah pemerintahan Jokowi sejak 2014, banyak projek pembangunan sudah atau sedang dijalankan, termasuk Mass Rapid Transport (MRT) yang masih dalam proses pembinaan. Selain itu, kejayaan Indonesia menganjurkan Sukan Asia tahun lalu membuktikan kemampuannya dari sudut ekonomi. Namun, soal kesejahteraan rakyat adalah perkara berbeza dan sangat kompleks. Inilah yang mahu diperjuangkan gandingan Prabowo dan Sandiaga.

Akhir kata, selamat bertarung kepada gandingan Jokowi-Ma'ruf dan Prabowo-Sandiaga. Semoga perjalanan kempen PILPRES 2019 berjalan dengan harmoni dan sudah tentu Malaysia boleh mempelajari apa yang baik daripada negara jiran ini.